

# MyTREEvolution dedah si cilik erti penghijauan bumi

KOTA KINABALU: Lebih 70 kanak-kanak berusia antara 4 hingga 6 tahun dari Pusat Minda Lestari (PML) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan beberapa sekolah di sekitar Kota Kinabalu turut menjayakan program myTREEvolution anjuran Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pendidikan Tinggi (BHI-KPT) menerusi CEO@Faculty Programme 2.0 di Kompleks Perhutanan, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) kelmarin.

Pengarah Pusat Pengurusan Eco Campus UMS, Prof. Madya Dr. How Siew Eng, yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin ketika ditemui pada majlis tersebut berkata, penglibatan UMS dalam program seumpama ini selaras dengan hasrat universiti bagi mewujudkan kesedaran alam sekitar, pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai Eco Campus di kalangan generasi baru di rantau ini.

“Program ini bukan sahaja membolehkan golongan cilik ini mendekati alam sekitar, tetapi juga membimbing mereka secara holistik untuk memberikan pendekatan yang lebih tepat mengenai program penghijauan bumi.

“Ini selaras dengan aspirasi kerajaan bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai kehijauan bumi dan menyediakan wadah terbaik untuk perkongsian pengetahuan dan kerjasama antara UA dan agensi-agensi kerajaan dan swasta,” katanya.

Tambah beliau, pada masa ini, kebanyakan penyertaan aktiviti penanaman pokok berakhir sebagai 2T sahaja, iaitu tanam dan tinggal, yang semestinya memberikan natijah yang palsu mengenai usaha Pelan Pemulihan dan Restorasi kawasan hutan dan hijau seperti yang digariskan dalam misi Jabatan Perhutanan.

Pada program tersebut, 100 pokok daripada spesies kapur paji, urat mata daun beludu dan seraya tembaga telah disumbangkan dan ditanam sebagai simbolik asas terhadap program myTREEvolution.

Program penanaman pokok ini merupakan usaha libatsama UMS bersama Jabatan Perhutanan Sabah (JPS), Agri-Biotech Marketing Sdn. Bhd., Malaysia Airport Berhad (Kota Kinabalu) (MAB-KK) dan Life Water Industries Sdn. Bhd, dan digerakkan oleh 30 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar FSSA UMS, 20 wakil dan staff MAB-KK, wakil dari JPS, Life Water Industries Sdn. Bhd. dan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd., staf Pusat Pengurusan Eco-Campus, FSSA dan wakil CEO@Faculty Programme 2.0.

Kejayaan program tanam pokok ini merupakan usaha libatsama UMS bersama Jabatan Perhutanan Sabah (JPS), Agri-Biotech Marketing Sdn. Bhd., Malaysia Airport Berhad (Kota Kinabalu) (MAB-KK) dan Life Water Industries Sdn. Bhd. melalui myTREEvolution. Aktiviti ini turut digerakkan oleh 36 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar FSSA UMS, 10 staf MAB-KK dan staf Pusat Kecemerlangan Eco-Campus, FSSA dan wakil CEO@Faculty Programme 2.0.

By :